

07 MAY 2002

Wakaf-Reaksi

UCAPTAMA PERDANA MENTERI MENDAPAT PUJIAN

Oleh: Muna Khalid dan Rozilan Salleh

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Kandungan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yang menegur umat Islam supaya tidak menuding jari kepada pihak lain atau menyalahkan Islam atas kelemahan mereka sendiri, mendapat pujian ramai menteri dan ketua delegasi yang menghadiri Persidangan Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini.

Kebanyakan perwakilan berpendapat teguran Dr Mahathir itu kena pada masanya ketika umat Islam dan negara Islam sering disalah anggap oleh kuasa besar yang mengaitkannya dengan keganasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata pandangan dan teguran Perdana Menteri yang berterus terang mengenai masalah yang dihadapi oleh umat Islam di seluruh dunia mendapat sokongan daripada beberapa negara.

"Perdana Menteri begitu ikhlas dan memperkatakan sesuatu dengan terus terang dan tidak berselindung demi tujuan merawat umat Islam, negara Islam dan masyarakat Islam," katanya ketika diminta mengulas ucapan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Islam tidak pernah salah tetapi umat Islam sendiri yang salah dalam mentafsirkan dan mengamalkan ajaran Islam.

"Perlu diingat bahawa nasib buruk umat Islam pada masa ini adalah kerana kesalahan sendiri iaitu akibat tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar," kata Perdana Menteri.

Abdul Hamid berkata teguran Perdana Menteri pada persidangan kali ini diharap dapat diterima dengan fikiran terbuka oleh pemimpin negara Islam.

"Kita harap ada perubahan sikap oleh pemimpin-pemimpin negara Islam dengan ucapan Perdana Menteri itu. Harap dapat membuka minda mereka" katanya.

Setiausaha Jawatankuasa Rakyat bagi Pertubuhan Am Hal Ehwal Wakaf dan Zakat Libya Mohamed Alhadi Abusetta pula berkata ucapan Dr Mahathir sangat jelas dan berterus terang.

"Beliau mengemukakan perkara itu dengan jelas dan sudah tiba masanya kita bercakap tentang perkara yang betul. Dan janganlah kita bercakap tentang perkara yang baik sahaja, apa yang perlu kita tumpukan ialah kelemahan kita," katanya.

Menurutnya sudah tiba masanya bagi semua negara Islam melakukan segala-galanya mengikut perspektif yang betul.

Menteri Agama Indonesia Prof Dr H. Said Agil Husin Al-Munawar pula berkata Islam sememangnya tidak boleh dipersalahkan berikutan daripada kelemahan umatnya sendiri.

"Semua aturan Islam sememangnya baik, tinggal bila masanya kita mahu laksanakan. Islam tidak boleh dipersalahkan tetapi kita yang sepatutnya," katanya.

Beliau berkata nada ucapan Dr Mahathir yang agak keras supaya tidak menuding jari kepada pihak lain atau Islam berikutan kelemahan mereka sendiri, patut dijadikan peringatan oleh semua pihak.

Penasihat Hal Ehwal Islam Djibouti Ali Mohamad, menerusi penterjemah, pula berkata negaranya menentang sikap kuasa besar yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan.

Katanya Djibouti telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi membincangkan masalah keganasan yang sering dikaitkan dengan Islam walaupun Islam

sebenarnya merupakan agama yang menganjurkan kesejahteraan, keamanan dan keselamatan dunia.

-- BERNAMA

MUN RZS MFJ NAK